KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

CANANG

APRIL 2019

"Beta ingin tegaskan, bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang molek, yang sentiasa mementingkan ibadat kepada Allah. Ia dipandu oleh sistem MIB yang telah pun berjalan sekian lama sejak ratusan tahun lagi.

Sistem ini berkewajipan untuk memelihara dan menjamin semua hak rakyat dan penduduk tanpa mengira puak dan pegangan mereka. Inilah MIB, konsep keramat yang telah berjaya menjelmakan sebuah negara yang adil lagi bahagia, yang hidup didalamnya sebuah komuniti yang bersatu padu.

Sistem MIB juga telah terbukti amat mesra kepada dunia, sehingga siapa saja yang datang berkunjung ke negara ini akan beroleh pengalaman manis, dapat menikmati suasana aman dan harmoni serta layanan yang sebaik-baiknya.

Inilah hakikat Brunei, Negara MIB, dimana selain dari itu, ia bukanlah Brunei."

Petikan Titah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena
MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ
PERINGKAT NEGARA TAHUN 1440H/2019M

"SEMBAHYANG MEMBENTUK UMAT BERTAQWA' - Tema Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara 1440H/2019M

Kempen Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah merupakan acara iringan sempena Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara dijalankan secara serentak di keempat-empat daerah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN BUKU DARIPADA KEDUTAAN RUSSIA DAN MAJLIS PERASMIAN SEKSYEN SASTERA RUSSIA

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April - Kedutaan Persekutuan Rusia telah menyumbangkan dan mempamerkan serta menyediakan sejumlah 80 bahan bacaan terdiri dari koleksi buku-buku sastera, majalah dan lain-lain terbitan Persekutuan Rusia. Antara koleksi itu ialah karya-karya pengarang terkenal Rusia yang mewakili zaman keemasan Kesusasteraan Rusia, termasuk karya seni klasik yang diajar di universiti terkemuka di seluruh dunia dan koleksi ini ditempatkan di Seksyen Sastera Rusia (Russian Literature Section) di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.



Sumber: http://www.ibby.org/awards-activities/activities/international-childrens-book-day/icbd-2019/



"Usaha-usaha yang berkebajikan seperti ini mencerminkan peranan TelBru sebagai sebuah syarikat sosial (social enterprise) yang mempunyai kesan positif kepada masyarakat dan dijadikan sebagai contoh kepada pihak lain di sektor swasta,"
Yang Berhormat
Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan semasa Majlis Perasmian Taman Hidroponik SMARTER Brunei-TelBru

PELANCARAN TAMAN HYDROPHONIK SMARTER-TELBRU SEMPENA SAMBUTAN HARI KESEDARAN AUTISMA SEDUNIA 2019

Pusat SMARTER Brunei, Jalan Sungai Hanching, BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 April – Sempena Hari Kesedaran Autisme Sedunia (World Autism Awareness Day – WAAD) 2019, SMARTER Brunei telah melancarkan Taman Hidroponik SMARTER Brunei-TelBru. Sesuai dengan tema sambutan tahun ini "Assistive Technologies, Active Participation", inisiatif ini menunjukkan Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) termasuk warga SMARTER, akan sentiasa diberikan peluang memupuk kebebasan dalam kalangan mereka dan sokongan oleh pelbagai pihak dengan langkah-langkah pemerkasaan dan pembangunan kemahiran kehidupan.

"On World Autism Awareness Day, we speak out against discrimination, celebrate the diversity of our global community and strengthen our commitment to the full inclusion and participation of people with autism. Supporting them to achieve their full potential is a vital part of our efforts to uphold the core promise of the 2030 Agenda for Sustainable Development: to leave no one behind."

António Guterres, Secretary-General **on the World Autism Awareness Day 2019**

"Assistive Technologies, Active Participation"

Sumber: *https://www.un.org/en/events/autismday/sgmessage.shtml*

Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 April - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi telah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Kali Ke-7.

Antara lain yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah mengenai format acara-acara utama Sambutan HKK 2019 yang bakal dikendalikan secara sepadu oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kesihatan; Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta penglibatan aktif daripada agensi kerajaan yang lain, pihak swasta, dan persatuan bukan kerajaan (NGOs) serta akar umbi.

Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) bagi Negara Brunei Darussalam diisytiharkan pada setiap hari Ahad pada minggu pertama bulan Mei dan pada tahun ini HKK jatuh pada 29 Sya'ban 1440 Hijrah bersamaan 5 Mei 2019 Masihi dengan tema "Keluargaku Harapanku".

MESYUARAT JAWATANKUASA TERTINGGI BAGI SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN KALI KE-7, 2019

Dewan Auditorium Darussalam Enterprise (DARe), Bangunan Design and Technology (D&T Building), BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April - Big BWN Project telah menganjurkan Forum Making Brunei BIG Entrepreneurship Project yang memfokuskan pendedahan dan persiapan keusahawanan bagi para belia yang ingin berkecimpung dalam bidang berkenaan.

Forum bertajuk Entrepreneurial and Youth Employability, dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Urusan Syarikat Pakar Tenaga Bersatu dan Pengarah Greensafe Tenaga Global (B) Sdn. Bhd., Fdr. Dayang Hajah Normawati @ Mawar binti Dato Paduka Haji Othman.

Manakala ahli penal forum terdiri daripada penceramah undangan dari dalam dan luar negara, iaitu Dr. Christopher M. Jones daripada Arkansas Regional Innovation Hub; Penolong Pensyarah Fakulti Kewangan dan Ekonomi Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Muhd. Khairul Hidayatullah bin Haji Basir; Pengasas Merveille Event Mangement, Dayang Goh Chai Li; dan Pengasas Big BWN Project, Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid.

Balai Pameran, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Pusat, BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 April - Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dengan kerjasama penggiat seni dan aktivis sastera dari persatuan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini, telah mengadakan Pantaran Sastera DBP 2019 : Semarak Sastera Merdeka bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-35 Tahun dan bagi meraikan Sambutan Hari Puisi Sedunia.

Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI), Kelab Rakis Universiti Brunei Darussalam (UBD), Akademi UF dan Kumpulan Putra Seni antara persatuan yang telah membuat persembahan ekspresi semangat nasionalisme juga kecintaan terhadap negara, bangsa dan agama melalui puisi, pada malam tersebut .

PANTARAN SASTERA DBP2019: SEMARAK SASTERA MERDEKA

Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, BERAKAS, Ahad, 7 April - Lebih 500 peserta dari dalam dan luar negara menyertai Larian Borneo 2019 anjuran AKIF Marketing and Events Management dan Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, KKBS. Acara julung kali ini mempertandingkan enam kategori, iaitu Kategori 21 kilometer (km) Brunei dan Terbuka Lelaki; Kategori 21km Brunei dan Terbuka Wanita; Kategori 10km Terbuka Lelaki; Kategori 10km Terbuka Wanita; Kategori 10km Berpasukan dan Kategori 3km Family Fun Run.

Kategori 21km Brunei Lelaki - Sefli Ahar.
Kategori 21km Terbuka Lelaki - Josphat Kiptanui Too Chonei.
Kategori 21km Brunei Wanita - Jenny Tan Feng Ling.
Kategori 21km Terbuka Wanita - Ann Mukuhi.
Kategori 10km Terbuka Lelaki - Mastani bin Mohd. Yussop.
Kategori 10km Terbuka Wanita- Chin Lee Voon.
Kategori 10km Berpasukan - Pasukan Seal Team

Pendekatan inklusif merupakan kunci utama dalam memastikan kejayaan pelan-pelan tindakan yang disasarkan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) iaitu melalui pendidikan kemahiran dan keterlibatan orang ramai, khususnya ahli keluarga. - *temubual Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, semasa Majlis Perasmian Bengkel Braille, Orientasi dan Mobiliti*

Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia, Kampung Pulaie BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 April - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan; Unit Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam; Jabatan Ophthalmology, Kementerian Kesihatan; Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Negara Brunei Darussalam (BDNAB) dan sukarelawan daripada Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengadakan Bengkel Braille, Orientasi dan Mobiliti selama 15 hari bermula 8 hingga 27 April 2019.

Bengkel ini disertai oleh 52 peserta terdiri daripada pelajar, ibu bapa, pegawai-pegawai kerajaan dan guru-guru yang akan diberi pendedahan mengenai Braille, fungsi dan kaedah penggunaan mesin Braille, teknik orientasi dan mobiliti OKU penglihatan secara teori dan praktikal, dan juga fungsi serta teknik penggunaan Tongkat Putih (White Cane).

Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April - Bahagian pentadbiran dan Kewangan, KKBS menjemput penceramah dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menyampaikan taklimat Peraturan Kewangan sebagai usaha pemberigaan dan pendedahan dalam membudayakan amalan terbaik dalam hal ehwal tadbir urus kewangan kepada pegawai-pegawai KKBS serta jabatan-jabatan dibawahnya dalam.

TAKLIMAT PERATURAN KEWANGAN

Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 April - 'Kemantapan Aqidah dan Syariah Satu Kenikmatan Dalam Sembahyang' menjadi tajuk pilihan dibentangkan di dalam Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta jabatan-jabatan dibawahnya.

MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ 1440H/2019M
"KEMANTAPAN AQIDAH DAN SYARIAH SATU KENIKMATAN DALAM SEMBAHYANG"

Forum disampaikan oleh dua panel jemputan iaitu Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Pendakwah Bebas, Dayangku Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan. Majlis juga diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayangku Siti Ummi Syazanna binti Pengiran Haji Marjuki, qariah Universiti Brunei Darussalam.

Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April - Fakulti Syariah dengan kerjasama Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah telah menganjurkan Forum Pendidikan Syariah Al-Mar'ah bertajuk 'Mengoptimakan Peranan dan Produktiviti Wanita dalam Pembangunan Negara dan Bangsa' bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35.

Tiga panel forum iaitu Timbalan Dekan Fakulti Syariah, KUPU SB, Pengiran Dr. Hajah Norwidayawati binti Pengiran Haji Metusin, Dekan Fakulti Pendidikan, KUPU SB, Prof. Madya Dr. Mohd. Zahiri bin Awang Mat, dan Pemangku Penolong Pengarah, Bahagian Keluarga, Wanita, Kanak-Kanak dan Kaunseling, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Dayang Nurul Nazurah binti Jaya membahaskan tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan wanita dari aspek hukum beribadah dan sumbangan terhadap negara dan bangsa yang dipengerusikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Awang Nazirul Mubin bin Haji Ahad.

FORUM PENDIDIKAN SYARIAH
FIQH AL-MAR'AH

Balai Raya Kampung Batu Apoi, TEMBURONG, Jumaat, 12 April - Seramai 37 orang terdiri daripada 26 warga emas dan 11 anak yatim dari Kampung Batu Apoi menerima sumbangan bantuan berupa barang makanan asasi dan keperluan harian pada Majlis Projek Amal Buzzing Bees.

KEUSAHAWANAN BELIA HUJUNG MINGGU
(YOUTH ENTREPRENEURSHIP WEEKEND)

Buzzing Bees merupakan sebuah kumpulan *social enterprise* yang ditubuhkan pada bulan Disember 2015, terdiri daripada kumpulan bekas pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah. Kumpulan ini menyumbang dengan dana yang diperolehi dari hasil jualan kuih-muih dan kelas-kelas tuisyen bagi menjayakan projek amal ini.

BRUNEI DARUSSALAM DOUBLE OPEN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN

Bank Islam Brunei Darussalam, Kiulap, Jumaat, 12 April - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menganjurkan Festival Pameran Rumah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD Home Showcase Festival) sebagai usaha berterusan dalam menggalakkan pemilikan rumah, terutamanya kepada generasi muda.

Selain menyediakan platform sehenti bagi memiliki rumah, acara ini juga menjadi ruang bagi usahawan tempatan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana serta rakan ejen dan pereka dalaman untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka.

Sesuai dengan kemajuan digital yang berkembang pesat di seluruh dunia, BIBD menggalakkan urus niaga tanpa tunai di festival ini dengan kemudahan transaksi melalui teknologi yang diterajui dengan mudah alih BIBD QuickPay.

MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN MANGSA KEBAKARAN KEDIAMAN DI KAMPONG BEBULUH DAYANG DAMIT BINTI HAJI BUSTAN,

13.04.2019

MAJLIS PERASMIAN ASRAMA PUSAT BELIA

13.04.2019

Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, BERAKAS, Ahad, 14 April - Pasukan Rocketeers muncul juara setelah menewaskan pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) pada Kejohanan Bola Jaring Piala Yang Di-Pertua (YDP) Kali ke-2 Tahun 2019 anjuran Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam (BNA).

KEJOHANAN BOLA JARING PIALA YANG DI-PERTUA (YDP)

KALI KE-2 TAHUN 2019

Berangkat menyertai kejohanan berkenaan dalam pasukan Rocketeers ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Turut menyertai kejohanan tersebut dalam pasukan Angel Net ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Anugerah Penyerang Terbaik - YTM PS Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, **Anugerah Penjaring Terbaik -** 21987 Soldadu Nur Ady Elzza Erzrenna binti Sofian, dan **Anugerah Penghadang Terbaik -** 21392 Sarjan Nurazimah binti Abdul Latif.

Kejohanan Bola Jaring Bawah 21 Tahun dijuarai oleh pasukan Wildcats, di tempat kedua - Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) dan tempat ketiga Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).
Anugerah Penjaring Terbaik Bawah 21 - YAM Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, **Anugerah Penyerang Terbaik Bawah 21 -** Mazarina Anak Sujar dan **Anugerah Penghadang Terbaik Bawah 21 -** Raiefiza Radimas.

MAJLIS SELAWAT RASULULLAH : LEGASI DAKWAH PERJUANGAN BAGINDA SEMPENA ISRAK DAN MIKRAJ

Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 April - Majlis Selawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan Projek Tahunan Biro Keagamaan KKBT Pusat Belia BSB dengan sokongan Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), dalam misi menjadikan Pusat Belia sebagai sebuah hab untuk perkumpulan para belia dengan mengadakan variasi pengisian, yang membawa manfaat.

Majlis Selawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Legasi Dakwah Perjuangan Baginda sempena Sambutan Isra' dan Mi'raj Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi diisikan dengan Sembahyang Fardu Isya' Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Qari Negara, Awang Wafiy bin Haji Ibrahim, alunan Selawat dan Tazkirah bertajuk 'Legasi Dakwah Perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam', disampaikan bersama oleh Ketua Guru Agama Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Awangku Ahmad Hassanuddin bin Pengiran Haji Tajuddin; dan Penolong Pensyarah Fakulti Usuluddin Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit. Majlis juga diisikan dengan Mahlul Qiyyam, Sayyidul Istighfar dan Doa Taubat.

Galeri Seni, Dermaga Diraja, BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 April - Seramai 31 orang kartunis tempatan yang berbakat mempamerkan hasil karya kreatif mereka pada Pameran Seni Komik 2019 bertemakan 'Kami Urang Brunei' anjuran The BirdHouse Studio Brunei dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Pameran ini adalah antara usaha KKBS mengoptimakan prasarana dan kemudahan yang sedia ada disamping mengetengahkan bakat-bakat belia dan memartabatkan industri kreatif negara ini sebagai tarikan pengunjung terutamanya pelancong dari luar negeri.

PAMERAN KALIGRAFI ISLAM DAN AKTIVITI SENI KREATIF ISLAM

Pusat Sejarah Brunei, BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April - Bersempena pengiktirafan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia 2019, Pusat Sejarah Brunei menganjurkan pameran bertemakan 'Melestari Sejarah Melalui Seni Kaligrafi Islam' yang disertai oleh para penulis seni khat Islam daripada Pusat Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Dewan Bahasa dan Pustaka; Pusat Dakwah Islamiah; Bahagian Kemajuan Syiar, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan beberapa orang penulis seni khat daripada Sabah dan Sarawak, Malaysia.

Pameran ini disasarkan untuk mempromosikan sejarah negara ini melalui seni kaligrafi Islam kepada masyarakat, khususnya generasi belia disamping mempamerkan nilai estetika dan kesenian seni islam yang tinggi. Antara hasil karya yang dimuatkan dalam Pameran Khas ialah Kaligrafi Nama Sultan-Sultan Brunei yang ditulis dalam pelbagai jenis tulisan khat secara kreatif dan menarik.

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA SUKAN ARAFURA 2019

Stadium Negara Hassanal Bolkiah, BERAKAS, Sabtu, 20 April – Negara Brunei Darussalam akan menghantar kontinjen bagi menyertai dalam tiga acara sukan iaitu bola jaring dan renang termasuk olahraga bagi atlet para di Kejohanan Sukan Arafura 2019 yang akan diadakan di Darwin, Australia bermula pada 26 April hingga 4 Mei 2019. Kontinjen NBD dianggotai seramai 23 orang terdiri daripada 14 atlet termasuk dua atlet para dan sembilan orang pegawai termasuk Chef de Mission, Pegawai Urusetia, Pegawai Perhubungan, Pengurus Pasukan, Jurulatih dan kakitangan Perubatan.

"Penyertaan kita di Sukan Arafura bermatlamat sebagai *Platform* untuk bersaing dengan atlet antarabangsa ke arah mengukur sejauh mana kemampuan atlet-atlet kita dalam persediaan ke arah SEA Games di Filipina pada bulan November ini.

Oleh itu, sukan Arafura akan memberikan nilai tambah yang bermakna untuk membina kekuatan fizikal dan mental para atlet kita untuk bersaing dengan lebih baik lagi dalam temasya sukan yang akan datang ini."

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen NBD Ke Sukan Arafura 2019

KEJOHANAN BOLASEPAK 7 ORANG SEPASUKAN BAWAH UMUR 10 TAHUN BAGI DAERAH BELAIT 2019

Belait Padang Bola Sepak Arena, Seria, 21 April 2019 – Persatuan Bola Sepak Daerah Belait (PBDB) telah menganjurkan Kejohanan Bola Sepak Bawah 10 Tahun yang dihasratkan menjadi landasan bagi melibatkan pemain muda pada peringkat akar umbi serta mencari pemain-pemain muda yang berbakat dalam kalangan peserta kejohanan.

Pied Hornbill - juara,
BSRC FC Youth Red- Naib Juara
Rhinoceros Hornbill - Ketiga

MAJLIS PERASMIAN RIDE & CYCLE CO

Ride and Cycle Co, TUNGKU, Ahad, 21 April - Penubuhan kedai basikal baharu ini merupakan satu usaha belia tempatan untuk memajukan socio-ekonomi dengan menyediakan peluang pekerjaan melalui sukan berbasikal. Di samping mempromosikan, menggalakkan dan membangunkan sukan berbasikal ianya juga menjadi platform untuk mencungkil bakat belia yang berpotensi bagi mewakili kelab atau negara dalam pertandingan di dalam dan luar negeri.

Balai Pameran, Dewan Bahasa dan Pustaka, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April - Karnival Memperkasa Budaya Membaca (KMBM) dapat memupuk budaya membaca dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat secara tidak formal melalui pelbagai medium yang boleh dilaksanakan di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di seluruh negara.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menyempurnakan Perasmian Taman Bacaan Perpustakaan di Balai Pameran, dan seterusnya menyempurnakan Penyampaian Hadiah Kerajinan Membaca kepada Ahli-ahli Perpustakaan DBP yang aktif. Pada masa yang sama, lintas langsung Majlis Perasmian KMBM dari beberapa Perpustakaan DBP di negara ini disiarkan, antaranya Perpustakaan DBP Tutong dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar) KKBS selaku tetamu kehormat dan Perpustakaan DBP Kampung Pandan yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS selaku tetamu kehormat; manakala di Perpustakaan DBP Temburong dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS selaku tetamu kehormat.

Karnival seumpama itu diadakan untuk memupuk minat dan budaya membaca tanpa mengira usia, menerapkan aktiviti membaca, meningkatkan penggunaan perpustakaan dari segi perkhidmatan dan kemudahan. Selain itu, karnival juga adalah untuk mendekatkan orang ramai dengan perpustakaan dan menjadikannya sebagai pusat untuk melakukan pelbagai kegiatan bermanfaat dengan penglibatan daripada sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan juga swasta yang hadir pada majlis tersebut.

Dewan Digadong, BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April.

" InsyaAllah, dengan pegangan yang kukuh dan penghayatan ilmu Al-Quran dan Hadith Rasulullah Sallahu Alaihi Wasalam, belia kita tidak akan mudah terbawa dengan unsur-unsur yang kurang baik. Oleh yang demikian, program-program pembangunan belia hendaklah sentiasa menitik beratkan keseimbangan antara amalan duniawi dan ukhrawi dalam membentuk belia yang syumul yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, malah mempunyai kekuatan iman serta pendirian yang teguh. Sebagai bakal pewaris kepimpinan masa depan, ciri-ciri inilah yang mesti ada dan ditanai oleh belia kita agar mereka mempunyai jati diri yang teguh dengan kepimpinan yang bijaksana dan sentiasa berwawasan, berlandaskan Falsafah Melayu Islam Beraja."

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan semasa Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440 Hijrah / 2019 Masihi Peringkat Akhir

QARI -
Johan - Awang Abdul Muin bin Haji Abdul Hamid
Kedua- Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili
Ketiga - Awang Abdul Qawiyeel Azeez bin Haji Abd.Rajid
QARIAH -
Johan- Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Marjuki
Kedua- Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
Ketiga -Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri

Pertandingan tahun ini disertai oleh 105 peserta belia qari dan qariah dari seluruh negara.

"What is most important is to ensure that the impact of SSEAYP both to its participants and to the wider community is sustained and long-lasting. This is where gatherings like SIGA play a crucial role, especially in discussing important topics relevant to our youth and community at large as well as providing opportunities for alumni to conduct beneficial activities together as one big family. As one of the main agenda of this year's SIGA, the Forum titled **"Bridging the Gap"** is particularly significant for us as the topic of encouraging entrepreneurship to empower individuals, including our youths, and ensuring inclusivity is one of our national priorities. "

Minister of Culture, Youth and Sport, on the occasion of
31st SSYEAP INTERNATIONAL GENERAL ASSEMBLY (SIGA) BRUNEI DARUSSALAM 2019

Songket Ballroom, Rizqun International Hotel, GADONG, Jumaat, 26 April - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Perhimpunan Agung Antarabangsa Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP International General Assembly - SIGA) Ke-31.

SIGA adalah mesyuarat tahunan SSEAYP bagi pihak-pihak berkepentingan terdiri daripada wakil-wakil kerajaan, alumni, keluarga-keluarga angkat, kakitangan pengurusan dan 'associates' dari pelbagai program. Pada tahun ini, seramai 105 peserta dari semua negara ASEAN dan Jepun menghadiri mesyuarat itu.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah buat kali kedua bagi perhimpunan yang dijalankan selama tiga hari itu.

"REUNITE REIGNITE'
31st SSYEAP INTERNATIONAL GENERAL ASSEMBLY
(SIGA) BRUNEI DARUSSALAM 2019

PAMERAN SENI LUKIS
SEBATI DALAM JALINAN WARNA 2019

Muzium Teknologi Melayu, KOTA BATU, Sabtu, 27 April - Jabatan Muzium-Muzium dengan usaha bersama Muzium Artis (MuzArt) menganjurkan Pameran Seni Lukis Sebati dalam Jalinan Warna 2019 yang mempamerkan 85 buah karya seni daripada 38 pelukis Jabatan Muzium-Muzium yang terdiri daripada berlainan profesion dan bahagian.

Pameran sementara di Muzium Teknologi Melayu berkenaan adalah inisiatif pihak jabatan dalam menambah nilai pameran di muzium, selain daripada meningkatkan jumlah pelawat ke muzium-muzium di negara ini selaras dengan strategi KKBS melalui Jabatan Muzium-Muzium, iaitu menyediakan 'platform' dengan memberikan ruang-ruang yang tersedia dalam aset-aset bangunan jabatan yang bersesuaian untuk penggiat-penggiat seni mengetengahkan dan mempamerkan bakat-bakat mereka.

Dari bulan Januari hingga Mac tahun ini, Muzium Teknologi Melayu menerima kunjungan pelawat sejumlah 18,021.

Masjid Omar 'Ali Saifuddien, BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 April - Program Wira Fajar adalah merupakan program keugamaan hasil kerjasama di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Jabatan Hal Ehwal Masjid sebagai wadah tarbiyyah dan penerapan sahsiah mukmin dalam kalangan belia sesuai dengan identiti Negara Brunei Darussalam, Negara Zikir.

Seramai 350 orang belia-belia yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan; Persatuan-persatuan Belia; belia-belia masjid; belia da'ie; belia mualaf; Pelatih Pusat Pembangunan Belia; Kelab Komuniti Belia Transformasi Pusat Belia; Alumni Program Belia Cinta Tanah Air; Alumni JENESYS; belia-belia perseorangan serta orang ramai, hadir menjayakan Program Wira Fajar yang memuatkan aktiviti solat fardu Subuh berjemaah, tazkirah, bacaan surah Al-Kahfi dan Al-Waqiah; dan solat sunat Dhuha.

WIRA FAJAR SUBUH

"Istiqamah Dalam Mengerjakan Sembahyang"

PROGRAM PRIHATIN 2 : PENDEDAHAN KEMAHIRAN KURSUS MASAKAN DAN PASTRI

Dewan Bina Diri, Pusat Pembangunan Belia (PPB), BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 April - Seramai 70 peserta yang mana 27 peserta mengikuti kursus masakan dan 43 peserta mengikuti kursus pastri, telah menamatkan latihan selama dua bulan dalam Program Prihatin 2 : Pendedahan Kemahiran Kursus Masakan dan Pastri anjuran PPB dengan kerjasama Biro Kemasyarakatan dan Perhubungan MPK Panchor Mengkubau.

Program yang bermula sejak 10 Mac lalu ini, disasarkan kepada para ibu atau suri-suri rumah tangga yang tidak bekerja mahupun yang sudah berkerja untuk memberi mereka peluang menjana pendapatan dan memperbaiki taraf ekonomi mereka serta keluarga dengan mengaplikasikan kemahiran mereka untuk berkecimpung dalam perniagaan kecil-kecilan.

BOLING AMAL SMARTER

Grand Seria Bowling Centre, SERIA, Ahad, 28 April - Persatuan Bagi Pengurusan Autism Dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber (SMARTER) Brunei dengan sokongan The Filipino Association Negara Brunei Darussalam (FA) dan kerjasama United Architects of the Philippines (UAP) - Brunei Chapter dan Pinoy Bowlers Club (PBC) menganjurkan Boling Amal SMARTER kali pertama Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia 2019. Aktiviti ini bertujuan untuk memenuhi tanggungjawab kemasyarakatan yang prihatin serta penerimaan dan tindakan inklusif terhadap masyarakat autisme disamping menggalakkan keluarga dalam melakukan aktiviti yang memenuhi kriteria 3S iaitu "Selamat, Sesuai dan Selesa" (Safety, Suitability, Serenity).

KUNJUNGAN HORMAT PUAN YANG TERUTAMA HOMEIRA RIGI ZIROUKI

DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK REPUBLIK ISLAM IRAN

29.04.2019

PAMERAN FOTOGRAFI

" INDAHNYA ISLAM "

Galeri Seni, Dermaga Diraja, BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 April - Sebanyak 52 keping gambar hasil seni 21 Ahli Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBD) dipertontonkan di Pameran Fotografi bertajuk 'Indahnya Islam' 26 April yang berlangsung sehingga 20 Mei 2019. Pameran dianjurkan Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena pengisytiharan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 dan juga sempena 50 Tahun (Jubli Emas) penubuhan PFNBD.

Gambar-gambar yang memperlihatkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir diketengahkan untuk tujuan promosi dan pendedahan kepada para pelancong yang tiba di negara ini.

KUNJUNGAN HORMAT TUAN YANG TERUTAMA MATTHEW J. MATTHEWS

DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK AMERIKA SYARIKAT

30.04.2019

KUNJUNGAN HORMAT TUAN YANG TERUTAMA MAURICIO GONZALEZ LOPEZ

DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK REPUBLIK COLOMBIA

30.04.2019

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Pegawai-pegawai Kanan seperti berikut :

Timbalan Setiausaha Tetap
(Pengangkutan, Penyelidikan dan Perkembangan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi,
Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud
dilantik menjadi
Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said,
dilantik menjadi
Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kementerian Kesihatan, Dayang Saidah binti Haji Wahid / Burut
dilantik menjadi
Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pengarah Akademik Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam,
Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah
dilantik menjadi
Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tarikh pelantikan pegawai-pegawai kanan berkenaan berkuatkuasa mulai Khamis, 5 Syaaban 1440 bersamaan 11 April 2019.

CARI REZEKI HALAL – *Petikan Khutbah Jumaat 20 Sya'ban 1440/ 26 April 2019.*

Surah Al-Qasas ayat 77:

**Tafsirnya : "Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) di dunia.
Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan."**

Daripada Abu Sa'id Al-Hudri Radiallahuanhu, Rasullallah Sallalllahu Alaihi Wasallam riwayat Ibnu Maajah. Maksudnya:
Tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain.

Sebagai ketua atau majikan hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan bertanggungjawab kepada pekerja-pekerjanya seperti berikut:

Pertama: Memastikan dan mengutamakan aspek keselamatan, kesihatan dan kebajikan kepada semua pekerjanya di tempat kerja.

Kedua: Majikan hendaklah mengambil peduli serta memastikan langkah-langkah yang selamat bagi mengelakkan bahaya kepada pekerjanya dan juga orang awam.

Ketiga: Majikan hendaklah menyediakan dan menyelenggara persekitaran tempat kerja agar selamat dan tiada risikko kepada kesihatan pekerja.

Keempat: Majikan hendaklah memastikan langkah-langkah keselamatan telah diambil bagi penggunaan mesin-mesin, peralatan, jentera serta apa juga proses kerja yang dibuat oleh pekerja.

Kelima: Setiap majikan hendaklah menyediakan arahan yang cukup, maklumat-maklumat, latihan serta pengawasan kerja yang sepatutnya dalam apa jua pekerjaan yang dibuat oleh pekerja. Sebagai pekerja pula hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dengan mematuhi perintah dan peraturan yang telah ditetapkan dengan menggunakan apa jua alat pelindungan diri dan peralatan keselamatan semasa bekerja.

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam *Penyunting & Penyemak*, Unit Perhubungan Awam *Perwajahan dan Aturhuruf* Unit Perhubungan Awam

Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.